

# Abang Abu Bakar lancar Umno di Sarawak

UM 13. 2. 2000

**KUCHING:** Di sebalik pendirian tegas Barisan Nasional (BN) Pusat dan negeri yang menganggap tiada keperluan untuk Umno melebarkan sayapnya ke Sarawak pada masa sekarang, satu majlis pelancaran bahagian Umno diadakan di Kawasan Parlimen Mas Gading, kira-kira 45 kilometer dari sini, petang semalam.

Majlis yang disifatkan sebagai pelancaran bahagian Umno pertama di Sarawak itu dilakukan oleh bekas Menteri Pertahanan yang juga bekas Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha.

Enam kampung - Kampung Grogo, Kampung Sebuloh, Kampung Suba, Kampung Suba Buan, Kampung Tembawang Baru dan Kampung Buso, diumumkan sebagai cawangan Umno bahagian Mas Gading.

Pada majlis pelancaran Umno bahagian itu, Abang Abu Bakar juga menerima lebih 2,000 borang permohonan daripada masyarakat Bidayah dan Melayu, untuk menyertai parti berkenaan.

Majlis itu dihadiri oleh kira-kira 500 orang dan berlangsung di Kampung Grogo di Bau.

Seorang ahli perniagaan, Midi Anak Jonek, yang juga bekas ahli Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), dilantik sebagai pengerasi penaja bahagian Mas Gading, sementara seorang petani, Johong Anak Jimbek, mengetuai cawangan Kampung Grogo.

Seorang lagi ahli perniagaan, Roland Bunyek mengetuai cawangan Kampung Sebuloh, Mohammed Yasin (cawangan Kampung Tembawang Baru) dan Major (B) Mohammed Baba, (cawangan Kampung Buso).

Dalam ucapannya, Abang Abu Bakar yang meletak jawatan sebagai ahli PBB pada 16 Januari lalu, memuji masyarakat Bumiputera di kawasan Mas Gading kerana minat yang ditunjukkan mereka untuk menyertai Umno.

Beliau percaya dengan kemasyarakatan Umno ke Sarawak, taraf hidup rakyat khususnya masyarakat Bumiputera dapat dipertingkatkan lagi.

Pada sidang media selepas itu, Abang Abu Bakar berkata, beliau akan menyerahkan lebih 2,000 borang permohonan untuk menyertai Umno kepada ibu pejabat parti itu selepas ini.

Beliau mendakwa lebih 138,000 Bumiputera di Sarawak sudah memohon untuk menyertai Umno sebagai ahli.

"Pucuk kepimpinan Umno tidak lagi boleh memandang sepi kehendak rakyat di negeri ini yang mahu menjadi ahli parti itu," katanya sambil menambah beliau akan berjumpa Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai perkembangan terkini politik di Sarawak itu.

Ditanya sama ada keputusan menubuhkan bahagian dan cawangan Umno di Sarawak itu mendapat restu pucuk kepimpinan Umno, Abang Abu Bakar berkata ia adalah kehendak rakyat di negeri ini.

"Ramai rakyat Sarawak mahu agar Umno melebarkan sayapnya ke Sarawak dan saya tidak nampak mengapa kehendak mereka itu harus ditolak," katanya.

Mengenai siapa yang akan mengetuai Umno di Sarawak, beliau berkata terpulang rakyat sendiri yang menentukannya.